

Wanita MCA mahu komponen BN berwaspada

Um - 8/1/2007

PULAU PINANG 7 Jan. - Pergerakan Wanita MCA mengingatkan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya mengetepikan sikap terlalu yakin untuk memenangi semula kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Batu Talam.

Ketua Wanita MCA, Datuk Dr. Ng Yen Yen berkata, jentera parti-parti BN perlu lebih berwaspada menghadapi pilihan raya kecil itu pada 28 Januari ini.

Katanya, pendekatan terlalu yakin boleh membawa padah sekiranya parti komponen BN dibuai dengan kejayaan memenangi kerusi itu pada pilihan raya umum lalu.

"Dalam dunia politik, jangan terlalu yakin. Tidak boleh ada faktor terlalu yakin. Jadi kita kena berhati-hati ketika menghadapi pilihan raya kecil di Batu Talam," katanya.

Yen Yen berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah pada bengkel Menjauhi Keganasan, Menikmati Kebahagiaan di Sekolah Menengah Han Chiang di sini hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Kewangan menjawab pertanyaan ketika ditanya mengenai peranan Wanita MCA bagi membantu jentera parti ketika menghadapi kempen pilihan raya kecil di Batu Talam.

Ditanya sama ada BN akan menang mudah dalam pilihan raya kecil itu, Yen Yen berkata, pilihan raya kecil tersebut bukanlah sesuatu yang sukar.

"Bagaimanapun, semua parti komponen BN perlu sama-sama 'turun

padang' dan berganding bahu memberi perkhidmatan kepada para pengundi di kawasan itu," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Raub berkata, Wanita MCA akan mengadakan program mendekati pengundi terutama wanita termasuk golongan ibu tunggal.

DUN Batu Talam terletak dalam kawasan Parlimen Raub.

"Kita akan menjemput pemimpin (peringkat Pusat) untuk menerangkan mengenai dasar-dasar kerajaan kepada rakyat di Batu Talam," katanya.

Beliau berkata, biarpun pilihan raya kecil tidak sehebat pilihan raya umum, namun semua aspek strategi untuk menghadapinya perlu ditingkatkan dan diperkemas terma-suk persiapan berkempen.